

## UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI MELALUI TELEVISYEN MALAYSIA PADA 24 OGOS 1967

---

Saya suka, pada hari ini, hendak berucap di atas satu masalah yang penting dan mustahak dan yang sentiasa mendapat perhatian semenjak kita mencapai kemerdekaan Sepuluh Tahun yang lepas: Masalah Kebebasan Awam dan Demokrasi dalam negara kita ini.

Dalam masa 10 tahun yang lampau, semenjak kita mencapai kemerdekaan, banyak peristiwa-peristiwa yang bersejarah dan besar maknanya telah berlaku. Kita telah mencapai kemerdekaan melalui Perlembagaan, tetapi dalam suasana huru hara, suasana yang dikelilingkan oleh pemberontakan komunis yang menggunakan kekerasan dan penyeludupan yang bertujuan hendak menjatuhkan pemerintahan cara demokrasi dan menakluk negara ini. Parti Komunis Malaya telah gagal dalam tujuannya. Enam tahun selepas kemerdekaan, Malaysia telah ditubuhkan.

Sepanjang sejarah Malaya/Malaysia, kita telah berjaya menegak dan mempertahankan negara kita dari ancaman yang sebenarnya jarang sekali ditempuh dan dialami oleh negara-negara yang baru mencapai kemerdekaannya. Kita mengucapkan syukur kepada Allah s.w.t. atas rahmatNya. Kita telah berjaya oleh kerana keyakinan rakyat Malaysia, ketabahan hati mereka, taat setia dan sokongan mereka yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan dan sebab itulah kemerdekaan, kedaulatan negara dan sistem pemerintahan demokrasi kekal dan bertambah teguh. Sebenarnya, kejayaan ini dapat dicapai dan dipertahankan dan rakyat dapat hidup dalam aman dan tenteram ialah kerana pengorbanan dan kecekapan Pasukan Keselamatan kita dalam menjalankan tugas dan kewajipan mereka terhadap negara. Banyak di antara mereka telah hilang nyawa dan banyak pula yang berbuat berbagai-bagai pengorbanan untuk keamanan negara kita. Dan kepada perajurit-perajurit ini dan kepada keluarga-keluarga mereka, saya bagi pihak rakyat dan Kerajaan, mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas pengorbanan mereka yang besar itu untuk membolehkan kita hidup seperti keadaan yang ada pada hari ini.

Saya yakin ahli-ahli sejarah akan menulis dan menggambarkan sejarah negara kita dengan wajarnya; kesedihan dan kesengsaraannya, kejayaan dan keperwiraan rakyat Malaysia dalam perjuangan kemerdekaan dan mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara ini dari musuh-musuh kita.

Kerajaan yang ada sekarang ini berikrar akan terus mempertahankan dan menegakkan sistem kerajaan secara demokrasi dan berperlembagaan di negara ini. Untuk melindungi dan menegakkan sistem ini, kadang-kadang kerajaan terpaksa mengambil tindakan-tindakan yang tidak begitu menyenangkan setengah-setengah orang atau tindakan-tindakan yang tidak popular. Tetapi tindakan ini mesti diambil untuk kesejahteraan hidup rakyat dan keamanan dan keselamatan negara ini.

Tanggungjawab dan tugas yang paling besar yang satu-satu kerajaan itu mesti buat ialah menjalankan pemerintahan dan dalam menjalankannya, tindakan-tindakan kerajaan dan Menteri-menterinya tidak boleh dipengaruhi oleh ucapan-ucapan, keputusan-keputusan, dan kritik-kritik yang dibuat oleh pihak pembangkang, apa lagi, ucapan-ucapan yang hanya bertujuan untuk membangkitkan semangat rakyat yang dibuat dengan tidak kira untung rugi kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Perbuatan-perbuatan seperti ini boleh difaham jika hanya bertujuan memancing undi dalam pilihanraya-pilihanraya, tetapi Kerajaan tidak boleh menerimanya jika semata-mata dibuat bertujuan bagi merosakkan keselamatan negara.

Dalam menjalankan tugas yang maha besar ini, sesebuah Kerajaan itu, terpaksa berjalan dengan penuh teliti untuk menjamin adanya perseimbangan antara keselamatan negara dengan kebebasan awam. Kita faham dan mengerti yang di dalam sistem demokrasi, seseorang rakyat itu wajib mendapat kebebasan awam yang penuh sesuai dengan keadaan keselamatan dan ancaman yang dihadapi oleh negara waktu itu. Tidakkah kena pada tempatnya untuk saya memperkatakan di sini sejauh mana dan apakah sebenarnya kebebasan penuh yang menjadi hak kepada seseorang dalam sebuah negara yang mengamalkan faham demokrasi. Tetapi pada amnya, kebebasan awam itu memberi seseorang rakyat tidak mengira tarafnya dalam masyarakat atau keturunannya, hak mengundi: satu orang satu undi, dan ia bebas menggunakan undinya itu untuk memilih apa bentuk dan corak kerajaan yang dikehendaki memerintah negaranya.

Selama Kerajaan Perikatan memerintah negara ini, selama 12 tahun, 10 tahun semenjak kemerdekaan, dan 2 tahun sebelum itu, kita tidak pernah, pada keseluruhannya, cuba dengan sengaja hendak menyekat kebebasan awam rakyat itu. Tetapi sebaliknya, kita telah mempertahankan kebebasan awam ini dengan menghancurkan ancaman dan musuh-musuh yang bertujuan hendak membasmi hak dan kebebasan awam rakyat ini.

Dalam menjalankan tugas untuk mempertahankan kebebasan awam dan hak rakyat ini, pada zahirnya kita dipandang seolah-olah kita hendak menyekat kebebasan ini, tetapi sebenarnya dan mereka yang mengerti mengetahui bahawa tindakan-tindakan yang diambil itu adalah semata-mata untuk menolong mengekalkan hak-hak dan kebebasan itu – kebebasan berucap, dan aktiviti-aktiviti yang sesuai dan tidak terkeluar dari Undang-undang dan tata tertib negara kita dari dibinasakan oleh anasir-anasir jahat.

Apa yang sedang dibuat oleh Kerajaan ialah sebenar-benarnya bukan hendak mengurangkan kebebasan awam seperti yang didakwa oleh setengah pihak tetapi sebaliknya pula, kita telah mengambil tindakan-tindakan itu semata-mata bertujuan untuk menegakkan dan mengembangkan lagi kebebasan awam ini. Setengah-setengah anasir pula membantah tindakan-tindakan Kerajaan ini dan mereka cuba menggunakan rakyat yang baik untuk mendesak Kerajaan dan melaungkan kebebasan awam itu. Anasir-anasir yang sekarang ini melaungkan kebebasan awam, takdirnya, mereka dapat kebebasan itu, nescaya mereka sendiri akan merosakkan sistem yang mereka pura-pura perjuangkan itu dan digantikannya dengan sistem yang langsung tidak membenarkan kebebasan

awam.

Banyak masa telah ditumpukan oleh kawan dan sahabat baik saya, bekas Menteri Dalam Negeri, Tun Dr. Ismail untuk memberi penerangan-penerangan kepada setengah-setengah orang yang membantah, kepada keluarga dan wakil-wakil orang-orang tahanan sebab-sebabnya orang tahanan itu tidak dapat dibebaskan.

Tugas itu sekarang berpindah kepada saya semenjak saya mengambil alih jawatan Menteri Dalam Negeri dari Tun Dr. Ismail. Saya anggap tugas ini sebenarnya sebagai satu beban yang agak berat. Satu perkara yang sangat saya tidak suka ialah memerintah seseorang itu ditahan atau ditangkap di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri atau (*Internal Security Act*). Tiap-tiap kali saya terpaksa berbuat demikian untuk keselamatan dan keamanan negara, tiap-tiap kali pula seolah-olah jiwa saya tertikam. Kerajaan Perikatan dan saya sendiri sebenarnya sedang memperjuangkan bukan sahaja kita mahu memperkukuhkan lagi masyarakat kita yang sangat bertimbang rasa ini tetapi juga untuk melahirkan satu masyarakat yang sebenar-benarnya liberal. Inilah cita-cita kerajaan sekarang; bekerja ke arah kelahiran masyarakat yang liberal dan toleran.

Seperti saya katakan tadi, tugas besar sebuah Kerajaan itu, ialah untuk memerintah dan menjamin keamanan dalam negeri. Untuk menegakkan ini keputusan-keputusan yang tidak popular mestilah dibuat dari satu masa ke satu masa untuk menyelamatkan negara kita yang dicintai ini dari ancaman-ancaman yang hendak menghancurkannya. Dan selama 10 tahun ini kerana tindakan-tindakan Kerajaan yang berkesan itu, kita bukan sahaja telah dapat mempertahankan Kemerdekaan kita tetapi dapat memperkukuhkan lagi asas-asas demokrasi di Malaysia ini.

Kalau hendak dikatakan anasir-anasir subersif ini sudah hapus semua sekali tidaklah benar. Sebenarnya gerakan-gerakan subersif masih berada di tengah-tengah kehidupan kita. Mereka masih ada dan bahaya terhadap kita tetap 'real' atau sungguh. Tetapi walaupun bahaya itu masih ada, Kerajaan berpendapat, kita dapat mengawalkan mereka itu. Dan kita bersiap sedia untuk menghancurkan mereka jika anasir-anasir jahat ini menimbulkan sebarang huru hara dan kacau bilau dalam negeri ini. Bahaya itu masih ada, tidaklah sangat besar tetapi, tidak pula sangat lemah. Kerana itu kita mestilah sentiasa berwaspada terhadap gerakan-gerakan mereka itu.

Tugas utama Kerajaan hari ini ialah untuk membongkarkan gerakan-gerakan subersif, baik yang secara terang-terang ataupun sulit supaya rakyat tahu siapa mereka ini iaitu pengikut-pengikut Kerajaan-kerajaan dan ideologi-ideologi asing. Ini adalah satu tugas yang sangat payah hendak dijalankan dengan jayanya, tetapi, dengan kerjasama rakyat Kerajaan mestilah berjaya. Yang susahnyalah ada antara mereka ini, iaitu orang-orang yang menjalankan kerja-kerja subersif ini, yang bergerak dalam berbagai-bagai rupa dan bentuk setengah-setengahnya untuk mencapai cita-cita mereka, orang-orang ini berlindung di belakang sifat-sifat yang bertimbang rasa dan menasabah. Tetapi dalam apa bentuknya sekalipun mereka ini bergerak, Kerajaan tidak akan segan-segan untuk mengambil tindakan terhadap mereka setelah cita-cita sebenar mereka itu muncul dan orang yang

bergaul dengan mereka itu, jika sebenarnya, mereka tidak bersuhabat dalam gerakan itu mereka akan diberi peluang untuk memutuskan hubungan. Dan bagi mereka yang sedar dan bersubahat dengan mereka itu tidak akan terlepas daripada tindakan-tindakan Kerajaan.

Keadaan Keselamatan Negara pada hari ini, bolehlah dikatakan, baik tetapi kita **belum** lagi **betul-betul** selamat dari ancaman musuh-musuh kita dan kerana itulah kita terpaksa dengan penuh teliti menjamin perseimbangan di antara keperluan keselamatan negara dengan kebebasan Awam. Kalau bahaya terhadap negara kita berkurangan maka bolehlah kebebasan awam berjalan secara langsung dengan tidak ada sekatan-sekatan lagi.

Sebenarnya dalam negara demokrasi yang ketenteraman dan kedudukannya teguh, seperti Amerika dan Great Britain, persoalan kebebasan awam dan perseorangan ini menjadi perbincangan yang hebat dan hangat, terutama sekali di kalangan-kalangan '*intellectual*' dan orang-orang akademik dalam negara-negara itu. Kita juga suka negara kita menuju ke arah itu, dan dapat mempersoalkan masalah-masalah seperti kebebasan awam dan perseorangan secara akademik dan mendalam.

Tetapi cita-cita itu hanya dapat dicapai setelah negara kita selamat dari ancaman musuh-musuhnya dan ini dapat dipercepatkan jikalau semua rakyat kita menyokong dan menyebelahkan kepada pihak Kerajaan dan pihak yang mahu mengembangkan kebebasan-kebebasan ini bukan berpihak kepada mereka yang hendak menghancurkan kebebasan-kebebasan itu.

Bercakap berkenaan dengan kebebasan-kebebasan awam dan perseorangan, saya teringat kepada kata Tuan Oliver Wendell Homes, seorang Ahli Jurist Amerika yang terkenal: Katanya 'Penapian kebebasan-kebebasan yang *fundamental* atau yang asas, hanya boleh dipertahankan jika ada dengan jelasnya waktu itu bahaya-bahaya terhadap keselamatan sebuah negara itu'.

Saya berani berkata sekarang ini bahawa bahaya dan ancaman terhadap keselamatan negara kita memang ada waktu ini.

Kerajaan susah untuk menjelaskan dalil-dalil berkenaan dengan bahaya keselamatan kerana jika kita berbuat demikian maka rosaklah sumber-sumber rahsia yang memberi maklumat-maklumat kepada Kerajaan. Perkara seperti ini tidak timbul jika mereka mengaku atau anasir-anasir ini menjalankan tugas masing-masing secara terbuka, tetapi kebanyakannya menyeludup dan bekerja secara diam-diam. Kerana mereka berbuat demikian, kita juga terpaksa bergerak secara mereka untuk membasmikan gerakan-gerakan subersif ini.

Dalam menjalankan tugas ini rakyat mestilah yakin kepada Kerajaan bahawa sebarang tindakan yang dilakukan itu adalah untuk kebaikan rakyat dan keselamatan negeri kita semata-mata. Seboleh-bolehnya Kerajaan sentiasa mencuba tidak mahu menggunakan kekerasan dalam masalah ini tetapi Kerajaan tidak juga mesti berlemah dan membahayakan keselamatan negara.

Seorang Menteri Dalam Negeri, seperti orang-orang lain juga, ada perasaannya ataupun '*conscienceny*', tetapi dalam menjalankan tugas dan kewajibannya, ia tidak boleh ragu-ragu seperti Prince Hamlet, dalam cerita karangan Shakespeare itu yang tidak berani hendak membuat keputusan.

Dalam menjalankan tugas bagi kepentingan dan keselamatan negara,

Kerajaan tidak ragu-ragu untuk bertindak kerana, seperti tuan-tuan sedia maklum, Kerajaan Perikatan, adalah sebuah Kerajaan yang sangat tegas dalam menjalankan kewajibannya.

Oleh kerana keadaan keselamatan negara kita sekarang ini agak baik sedikit, maka timbullah, masalah sama ada kita mahu teruskan atau tidak menahan orang-orang yang ditahan kerana *subversif*, sungguhpun mereka ini masih lagi merbahaya kepada keselamatan negara kita?

Sesungguhnya, kalau boleh, saya mahu bebaskan seramai-ramai yang boleh, tetapi Kerajaan belum puas hati lagi yang kebanyakannya boleh dibebaskan. Walaupun begitu, pada hari ini, saya telah memerintah supaya seramai 180 orang dibebaskan dari tahanan walaupun, sebenarnya saya belum yakin sepenuhnya yang mereka ini betul-betul telah bersih dan putus hubungan dengan gerakan-gerakan yang menyebabkan mereka itu ditahan. Tetapi melihat kepada gerak geri mereka dan tingkah laku yang lain, nampaknya, mereka ada harapan berubah.

Ada antara mereka yang akan dibebaskan itu, pada pendapat saya, masih lagi merbahaya. Tetapi, saya telah fikir panjang-panjang berkenaan dengan hal ini dan saya sangguplah bertanggjawab dalam hal ini.

Adalah harapan saya supaya perasaan timbang rasa yang ditunjukkan oleh Kerajaan itu tidak disalah fahamkan dan tidak disifatkan bahawa Kerajaan telah lemah dalam keazamannya hendak mendaulat dan mempertahankan dasar demokrasi yang kita sangat percaya itu.

Akhirnya saya sungguh berharap mereka yang dibebaskan hari ini gembira kerana dapat kembali dan meneruskan kehidupan masing-masing seperti rakyat yang lain.